



**VIVIAN**  
mengagihkan  
kalendar  
dan pelitup  
muka kepada  
pelajar.

## Bas ekspres sewa untuk penuntut UMS S'kan ke KK

DE 5.3.2021 P3  
Winnie Kasmir 5.3.2021

SANDAKAN: Pusat Khidmat Rakyat Parlimen Sandakan membantu sekumpulan penuntut Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini dengan menyewa dua bas ekspres dari sini ke Kota Kinabalu untuk membolehkan mereka memulakan semester baharu di kampus induk UMS.

Salah seorang pelajar, Azlan, menghubungi Pusat Khidmat itu minggu lepas untuk meminta bantuan dalam bentuk elaun pengangkutan. Ini disebabkan semua bas ekspres jarak jauh di negeri ini dilarang beroperasi sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan pada Januari tahun ini.

Akibatnya, mereka terpaksa menyewa bas khas untuk menghadiri penggal pengajian baharu.

Selain itu, disebabkan Prosedur Operasi Standard (SOP), semua bas hanya boleh beroperasi dengan 50 peratus kapasiti, dengan itu setiap penuntut terpaksa membayar RM80 berbanding RM40 sebelum ini.

Ini memberi bebanan tambahan kepada penuntut dan keluarga mereka.

"Ia tentu satu tragedi jika pelajar kita tidak dapat menghadiri pengajian hanya kerana mereka tidak mampu membayar tambang bas lebih mahal. Pendidikan ialah

salah satu keutamaan terpenting kita dan kita mesti berusaha sedaya upaya untuk memastikan generasi muda kita tidak kekurangan peluang pendidikan akibat pandemik Covid-19," kata Vivian.

"Saya selalu berasa sedih apabila terjumpa kes di mana pelajar terpaksa berhenti belajar dan bekerja selepas sekolah menengah kerana keluarga mereka tidak mampu menghantar mereka untuk melanjutkan pengajian. Dalam jangka masa pendek, saya menggesa kerajaan untuk memberi lebih banyak bantuan untuk pelajar-pelajar kita, khususnya dalam kumpulan B40 untuk mencegah mereka daripada tercicir.

"Untuk jangka masa panjang, saya telah berulang kali berbahas di Parlimen bahawa kerajaan perlu memperkenalkan lebih banyak kursus di kampus UMS Sandakan, termasuk Sains Marin, Agropertanian, serta Sains dan Teknologi Alam Sekitar, agar lebih ramai pelajar tempatan dapat melanjutkan pengajian di Sandakan dan tidak perlu pergi ke Kota Kinabalu, Kuching, Johor Bahru dan Kuala Lumpur untuk tujuan sama.

"Ini tentu akan membantu mengurangkan bebanan pelajar tempatan kita dan keluarga mereka dalam memburu kecemerlangan pendidikan," kata Vivian.